Meski buta, penerima zakat cekal berdikari

▶ SHAMSUL JANGARODIN

PADA satu hari semasa Ramadan sekitar lima tahun lalu, ibu Encik Suhaimi Mansoor secara tiba-tiba menunjukkan anaknya itu tempat beliau menyimpan sudu garpu dan cara-cara menanak nasi serta menjerang air.

Memandangkan Encik Suhaimi cacat penglihatan, tugas-tugas tersebut lazimnya digalas ibunya itu.

Namun tanpa diduga, pengalaman tersebut sebenarnya satu petanda bahawa ibunya mahu beliau berdikari, dan ibunya tidak boleh menjadi tempat bagi beliau bergantung buat selama-lamanya.

"Saya ingat lagi, waktu itu mak tunjukkan saya di mana mak letak sudu garpu. Macam mana masak nasi.

"Mak kata mak tak hidup lama. Sebelum mak terlupa mak tunjukkan saya sudu garpu, pisau, senduk nasi.

"Besoknya mak meninggal," cerita Encik Suhaimi sayu, mengenang pemergian ibunya itu.

Menyusuli itu – bapanya telah terlebih dahulu meninggal dunia – Encik Suhaimi hidup sebatang kara di flat tiga bilik di kawasan barat daya Singapura.

Kini, beliau yang berusia 63 tahun, masih mengenang detik semasa ibunya memberikan nasihat berguna itu sebelum meninggal dunia, dan bersyukur kerana ia menggarapkannya cuba berdikari, meskipun dilanda pelbagai cubaan.

"Alhamdulillah, banyak perkara yang saya belajar sendiri setelah mak meninggal," kata Encik Suhaimi.

Namun begitu, sebagai seorang yang cacat penglihatan, banyak juga perkara yang terbad baginya.

Meskipun beliau memiliki pekerjaan sambilan sebagai seorang tukang urut kaki, pendapatannya tidak konsisten.

Adakalanya, beliau membawa pulang sekitar $800. Adakalanya, beliau pulang tangan kosong kerana tiada tempahan.

"Saya masih ada kos bulanan flat yang perlu dibayar. Saya beli flat ini lebih 10 tahun lalu daripada arwah bapa.

"Jadi saya bersyukur kerana saya terima bantuan zakat daripada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) secara tetap setiap bulan.

"Dapatlah ia bantu saya lunaskan bayaran flat," kata Encik Suhaimi.

ADA TEMAN: Encik Suhaimi *(kiri)* bersama seorang pendamping atau *Befriender* daripada Masjid Mujahidin, Encik Rosely Sheron. – Foto MEDIACORP PTE LTD

Pada awal tahun 2000-an, atas saranan Persatuan Cacat Penglihatan Singapura (SAVH), Encik Suhaimi telah ke Muis bagi mendapatkan bantuan kewangan.

Setelah dinilai kelayakannya, beliau diberi bantuan zakat. Bantuan tersebut kekal hingga ke hari ini.

Selain bantuan kewangan, Encik Suhaimi juga menerima bantuan makanan bulanan seperti beras, gula, kopi, biskut dan barang makanan dalam tin daripada Masjid Mujahidin di Stirling Road.

"Bantuan dari masjid dapat meringankan beban saya dalam kadaan begini.

"Jadi saya bersyukur dapat mengurangkan belanja harian saya," ujar Encik Suhaimi.

Selain Muis dan masjid, beliau juga menerima bantuan daripada beberapa badan kebajikan lain, seperti persatuan Thye Hwa Kuan yang datang membersihkan flatnya seminggu sekali.

Meskipun begitu, Encik Suhaimi masih keluar bekerja apabila dipanggil kerana baginya penting bagi beliau berdikari dan berusaha semana mampu.

Namun setelah beliau diserang angin ahmar, beliau terpaksa kurangkan masa bekerja.

"Tidak boleh gunakan tenaga lagi seperti dahulu," katanya.

Hidup seorang diri adakalanya boleh membuat diri Encik Suhaimi rasa tertekan kerana kesunyian.

Justeru, beliau kerap berkunjung ke SAVH untuk meluangkan masa bersama teman-teman senasib, bagi melepaskan rasa rindu dan kesunyian.

"Saya suka berkumpul dengan orang ramai. Saya lebih suka macam itu sebabnya saya dapat mengisi kekosongan saya," kata Encik Suhaimi.

Dalam pada itu, beliau juga menerima kunjungan para pendamping daripada Masjid Mujahidin – satu program yang dibiayai zakat Muis – setiap bulan ke flatnya yang akan bertanyakan khabar dan meluangkan masa berbual bersamanya.

"Saya banyak-banyak berterima kasih kepada Muis, masjid, yang sudi membantu saya dan juga meringankan segala beban kehidupan saya sampai hari ini," kata Encik Suhaimi.

▶ *Shamsul Jangarodin ialah penulis sambilan*

KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT HARTA/FITRAH

– SECARA TUNAI ATAU CEK
a) Di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), 273 Braddell Road, Singapura 579702. Cek harus dipangkah dan bayaran ditulis atas nama Muis.
b) Di masjid-masjid iaitu Pusat-Pusat Pungutan Zakat Bertauliah yang dilantik Muis.
c) Bayaran Zakat Fitrah dan Zakat Harta boleh dibuat melalui Nets atau CashCard di stesen AXS yang terletak di serata Singapura.

– SECARA ONLINE MELALUI ENETS DEBIT
Sila lungsuri laman www.zakat.sg.

– SECARA ANSURAN BULANAN MELALUI GIRO
Muat turun borang Giro di www.zakat.sg, isi dan hantarkan kepada Muis.

– INSTITUSI KEWANGAN (EKSKLUSIF UNTUK PELANGGAN)
a) Portal CIMB Clicks
b) Akaun Al-Wadiah OCBC
c) DBS/POSB
i. ATM
ii. Perbankan Internet di https://internet-banking.dbs.com.sg
iii. Aplikasi telefon Bijak DBS, POSB atau PayLah!

FORUM PEMBACA

Fatwa baru mengenai pemilikan bersama rumah timbulkan beberapa soalan

SAYA rujuk artikel bertajuk, 'Fatwa pemilikan Bersama rumah disemak, BH 14/5/19'.

Fatwa baru dan kenyataan yang dikeluarkan Majlis Ugama Islam Singapura(Muis) itu menimbulkan beberapa soalan.

Muis berpendapat, "Kontrak pemilikan bersama adalah pilihan yang lebih baik sedang ia melindungi keluarga terdekat..."

Adakah ini bermakna ibu dan ayah si mati tidak dikira sebagai keluarga terdekat pada si mati?

Jawatankuasa Fatwa (JF) menyatakan, "Pemilik menyedari bahawa bahagiannya ke atas rumah yang dimiliki bersama gugur sejurus selepas kematiannya".

Sila beri nas atau dalil yang menyokong pendapat itu sebab apa saya faham, hak tiap individu Muslim tidak gugur dengan kematian.

JF mengatakan, "... tidak sedikit bilangannya" mengenai kes ahli waris mendesak pemilik yang masih hidup supaya menjual rumah yang dimiliki tanpa memberi sebarang statistik untuk menyokong kenyataan tersebut.

Sukacita sekiranya JF dapat memberi statistik kes dan juga jumlah kes yang mana ahli waris menang dalam tindakan tersebut.

Perlu diingat, dengan adanya prinsip *'right of survivorship'*, bahagian si mati (dalam *joint tenancy*) akan dipindahkan kepada pemilik yang hidup sepenuhnya setelah pemilik tersebut memfailkan 'Notice of Death' (NOD).

Dalam keadaan ini, tidak ada ahli waris yang akan dapat menghalau atau mendesak pemilik yang hidup untuk menjualkan rumah tersebut.

Isu pembahagian faraid hanya timbul selepas rumah tersebut dijual.

Pada hemat saya, kenyataan yang dibuat JF kurang lengkap.

Timbalan Mufti, Dr Nazirudin Nasir, pula berkata, "jika diperlukan Jawatankuasa Fatwa akan membincangkan dan menyemak pendapat dahulu sejajar dengan prinsip undang undang Islam".

Adakah ini bermakna ulama yang duduk dalam Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1997 tidak membincangkan dan menyemak keputusan mereka sejajar dengan prinsip undang-undang Islam?

Sekiranya, ulama terdahulu telah membuat semakan tersebut, kenapa fatwa itu perlu diubah sekarang sedangkan isu Joint Tenancy (JT) telah timbul lama sebelum 1997?

Saya berpendapat sekiranya fatwa baru (JT) diambil pakai, kezaliman akan berlaku dalam kes seperti ini – seorang ayah (yang mempunyai anak-anak masih kecil), kematian isteri pertamanya, kemudian menikahi seorang lagi dan membeli rumah berdasarkan Joint Tenancy bersama isteri barunya; sekiranya kematian menimpa ayah berkenaan (yang tidak mempunyai lain harta selain rumah tersebut), isteri barunya akan mendapat rumah tersebut 100 peratus.

Dalam situasi begini, di manakah hak anak yatim hasil perkahwinan pertamanya?

Bukankah ini satu kezaliman (atas anak yatim) yang jelas.

▶ **SHEIK NAWAZ MOHD FADEL**
Tampines Street 44

Berita Harian
NOTIS

IKLAN

Encik Mohamed Salleh Bin Jumi diminta hadir ke Pejabat Pendaftaran Pernikahan Singapura, 7 Canning Rise, Singapura 179869 sebelum 20 July 2019 kerana mewalikan pernikahan anak nya Nor Qayyum Binte Mohamed Salleh dengan Noor Muhamad Firdaus Alias Bin Abdul Rahim. Jika tidak hadir pernikahan akan dijalankan secara Wali Hakim.

Discover Greener Pastures

Call 6289 8822 or
e-mail notices@sph.com.sg
to place your Change
of Address Notices

NOTICES